

Bil. S 2

**AKTA PENYIARAN
(PENGGAL 180)**

PERATURAN-PERATURAN PENYIARAN (SISTEM TVRO), 2000

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 58 dari Akta Penyiaran, maka Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Penyiaran (Sistem TVRO), 2000 dan hendaklah dianggap telah mulai berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Mac, 1999.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"alat terima siaran televisyen" bermakna sebarang alat yang digunakan untuk penerimaan visual dan aural dalam monokrom atau berwarna sebarang perkhidmatan penyiaran (tetapi tidak termasuk sebarang sistem TVRO);

"lesen" bermakna suatu lesen untuk memasang, mengimport, menawarkan untuk jualan, menjual atau memiliki dengan tujuan untuk menjual, mengendalikan atau memiliki di mana-mana bangunan sistem TVRO yang dengannya perkhidmatan penyiaran diterima;

"telekomunikasi" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Telekom (Penggal 54);

"sistem TVRO" bermakna sebarang alat (termasuk parabola) atau sebarang gabungan alat yang dapat menerima secara langsung sebarang bahan siaran yang dipancarkan dari atau melalui sebarang satelit perhubungan atau siaran di ruang angkasa luar wilayah.

Permohonan bagi mendapatkan lesen.

3. (1) Tiap-tiap permohonan oleh seseorang bagi mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis atau mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Dalam hal permohonan bagi mendapatkan suatu lesen untuk memasang, mengendalikan atau memiliki sistem TVRO di mana-mana bangunan, pemohon hendaklah menyatakan bangunan di mana pemohon bercadang untuk memasang atau mengendalikan sistem TVRO tersebut dan memberikan maklumat lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Menteri.

(3) Dalam hal permohonan bagi mendapatkan suatu lesen untuk mengimport, menawarkan untuk jualan, menjual atau memiliki dengan tujuan untuk menjual sistem TVRO, pemohon hendaklah menyatakan jumlah dan spesifikasi sistem TVRO yang hendak diimport, ditawarkan untuk jualan atau dijual atau ada dalam milikannya dengan tujuan untuk menjual dan memberikan maklumat lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Menteri.

Bayaran.

4. (1) Bayaran bagi suatu lesen adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Menteri boleh mengenepikan, seluruhnya atau sebahagiannya, sama ada pada amnya atau dalam sebarang hal tertentu, pembayaran sebarang bayaran yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Tempoh lesen.

5. Suatu lesen adalah, melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu, sah bagi tempoh selama 12 bulan mulai dari hari pertama dalam bulan lesen itu dikeluarkan.

Penggantian lesen.

6. (1) Jika Menteri berpuas hati bahawa sebarang lesen yang dikeluarkan olehnya telah hilang, binasa atau sudah rosak, Menteri boleh, tertakluk kepada peraturan kecil (2), setelah bayaran sebanyak \$2 dibayar, mengeluarkan suatu lesen salinan bagi menggantikan lesen itu.

(2) Tiada lesen salinan boleh dikeluarkan di bawah peraturan ini bagi menggantikan suatu lesen yang sudah rosak melainkan jika lesen yang sudah rosak itu diserahkan kepada Menteri untuk dibatalkan.

Lesen tidaklah boleh dipindah milik.

7. Pemegang lesen tidaklah boleh memindahmilik, menyerah hak atau melupuskan lesennya.

Pembatalan lesen.

8. Menteri boleh, dengan notis secara bertulis, membatalkan suatu lesen atas alasan pemegang lesen gagal mematuhi sebarang peruntukan Akta tersebut atau Peraturan-Peraturan ini atau sebarang syarat lesen tersebut.

Syarat-syarat lesen.

9. (1) Tiap-tiap lesen hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut —

- (a) pemegang lesen tidaklah boleh memasang, mengendalikan atau memiliki sistem TVRO di mana-mana bangunan kecuali di bangunan yang dinyatakan dalam lesen tersebut;
- (b) sistem TVRO yang berkaitan dengannya lesen tersebut dikeluarkan tidaklah boleh dikendalikan bagi maksud telekomunikasi atau memancarkan bahan siaran; dan
- (c) pemegang lesen hendaklah, menurut sebarang undang-undang bertulis, mendapatkan permit, lesen atau kebenaran lain daripada pihak-pihak berkuasa awam yang lain sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk atau berhubung dengan pemasangan atau pengendalian yang sah sistem TVRO.

(2) Tanpa menjaskan peraturan kecil (1), Menteri boleh mengenakan syarat-syarat tambahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pengendalian sistem TVRO.

10. (1) Sistem TVRO tidaklah boleh dikendalikan dengan cara yang mengganggu atau boleh mengganggu perjalanan atau penyenggaraan yang cekap atau mudah sebarang talian telefon, telegraf atau elektrik yang ada pada masa pemasangan sistem TVRO tersebut.

(2) Pemegang lesen tidaklah boleh menjalankan sebarang sistem TVRO dengan cara yang diketahuinya menyebabkan gangguan atau pengacauan kepada penerimaan oleh sebarang alat penyiaran lain yang dileSENkan di bawah Akta tersebut, Akta Telekom (Penggal 54) atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(3) Pemegang lesen tidaklah boleh memintas sebarang isyarat, semboyan, tulisan, gambar, bunyi atau sebarang jenis risikan yang dihantar yang bukan dimaksudkan untuk penerimaan oleh orang ramai.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Perjanjian telekomunikasi antarabangsa.

11. Pemegang lesen hendaklah, dalam pemasangan atau pengendalian sistem TVRO, mematuhi peruntukan-peruntukan Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa dan sebarang perjanjian telekomunikasi dua hala atau pelbagai hala yang berkuatkuasa dan peraturan-peraturan berhubung dengan pengendalian sistem TVRO yang dibuat di bawah Konvensyen dan perjanjian-perjanjian tersebut.

Pengubahsuaiannya kepada sistem TVRO dll.

12. (1) Pemegang lesen sistem TVRO tidaklah boleh —

- (a) mengubahsuai atau mengubah sebarang alat yang merupakan sistem TVRO; atau
- (b) mengubah lokasi sistem TVRO tersebut, kecuali dengan kebenaran Menteri.

(2) Jika terdapat sebarang perubahan jumlah alat terima siaran televisyen yang dimilikinya yang disambungkan ke sistem TVRO atau perubahan lokasi sebarang alat terima siaran televisyen, pemegang lesen sistem TVRO tersebut hendaklah dengan serta-merta memberitahu Menteri secara bertulis mengenai perubahan tersebut.

Sistem TVRO tidak dikendalikan.

13. Apabila pemegang lesen berhenti mengendalikan sistem TVRO yang berkaitan dengannya lesennya dikeluarkan, dia tidaklah boleh menjual, menawarkan untuk jualan ataupun sebaliknya melupuskan sistem TVRO tersebut atau mana-mana bahagiannya kecuali dengan kebenaran Menteri.

JADUAL PERTAMA

LESEN PENJUAL ALAT PENYIARAN
Dikeluarkan menurut bab 23 dari Akta Penyiaran

BROADCASTING APPARATUS SELLER'S LICENCE
Issued in accordance with section 23 of the Broadcasting Act

Nombor Lesen <i>(Licence Number):</i>	Tarikh Dikeluarkan <i>(Date of Issue):</i>	Tarikh Mansuh <i>(Expiry Date):</i>
--	---	--

Lesen ini dikeluarkan kepada *(This Licence is issued to):*

Alamat Persuratan *(Correspondence Address):* | Alamat Perniagaan *(Business Address):*

* Lesen ini tidak boleh dipindah milik

* *This Licence is non-transferable*

Bayaran Lesen <i>(Licence Fee):</i>	Bil. Resit <i>(Receipt No.):</i>	Tarikh <i>(Date):</i>
--	-------------------------------------	--------------------------

bp. Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran.
for the Minister responsible for broadcasting matters.

LESENINI TIDAK SAH TANPA BUKTI PEMBAYARAN PADA MUKA SURAT INI
THIS LICENCE IS INVALID WITHOUT PROOF OF PAYMENT ON THIS PAGE

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KEBENARAN MENGIMPORT ALAT-ALAT PENYIARAN
Dikeluarkan menurut bab 23 dari Akta Penyiaran

IMPORT PERMIT FOR BROADCASTING APPARATUS
Issued in accordance with section 23 of the Broadcasting Act

Kebenaran ini dikeluarkan kepada <i>(This Permit is issued to):</i>	Tarikh Dikeluarkan <i>(Date of Issue):</i>	Tarikh Mansuh <i>(Expiry Date):</i>
--	--	--

* Kebenaran ini tidak boleh dipindah milik dan hanya sah bagi satu pengimportan sahaja
(This Permit is not-transferable and only valid for a single import)

Alamat Persuratan <i>(Correspondence Address):</i>
--

Alamat Penyimpanan Alat Penyiaran Yang Diimport <i>(Storage Address for Imported Broadcasting Apparatus):</i>
--

Keterangan Jumlah & Spesifikasi Alat Penyiaran Yang Hendak Diimport <i>(Details of Amount & Specification of Broadcasting Apparatus to be Imported):</i>

Rujukan Kebenaran <i>(Permit Reference):</i>	Bil. Resit <i>(Receipt No.):</i>	Tarikh <i>(Date):</i>
---	-------------------------------------	--------------------------

bp. Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran.
for the Minister responsible for broadcasting matters.

LESENINI TIDAK SAH TANPA BUKTI PEMBAYARAN PADA MUKA SURAT INI
THIS LICENCE IS INVALID WITHOUT PROOF OF PAYMENT ON THIS PAGE

LESEN PENGENDALIAN ALAT PENYIARAN
Dikeluarkan menurut bab 23 dari Akta Penyiaran

OPERATION OF BROADCASTING APPARATUS LICENCE
Issued in accordance with section 23 of the Broadcasting Act

Nombor Lesen <i>(Licence Number):</i>	Tarikh Dikeluarkan <i>(Date of Issue):</i>	Tarikh Mansuh <i>(Expiry Date):</i>
--	---	--

Lesen ini dikeluarkan kepada *(This Licence is issued to):*

Alamat Persuratan <i>(Correspondence Address):</i>	Alamat Pemasangan <i>(Installation Address):</i>
--	--

- * Lesen ini tidak boleh dipindah milik
- * *This Licence is non-transferable*

Bayaran Lesen <i>(Licence Fee):</i>	Bil. Resit <i>(Receipt No.):</i>	Tarikh <i>(Date):</i>
--	-------------------------------------	--------------------------

bp. Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran.
for the Minister responsible for broadcasting matters.

LESENINI TIDAK SAH TANPA BUKTI PEMBAYARAN PADA MUKA SURATINI
THIS LICENCE IS INVALID WITHOUT PROOF OF PAYMENT ON THIS PAGE

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL KEDUA

Bayaran yang kena dibayar di bawah peraturan 4 adalah seperti berikut —

(i)	bagi pemasangan, pengendalian atau pemilikan sistem TVRO di mana-mana bangunan untuk tontonan persendirian	\$360.00 setahun
(ii)	bagi pemasangan, pengendalian atau pemilikan sistem TVRO di mana-mana bangunan perniagaan atau perdagangan (termasuk restoran, kedai makan dan kedai kopitiam)	\$500.00 setahun
(iii)	bagi pemasangan, pengendalian atau pemilikan sistem TVRO di mana-mana hotel, rumah pangsa atau tempat penginapan komersil lain yang serupa	\$1,200.00 setahun
(iv)	bagi penjualan sistem TVRO	\$1,500.00 setahun

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 13 haribulan Disember, 2000.

**PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA BAKTI DIRAJA DATO LAILA UTAMA
HAJI AWANG ISA BIN PEHIN DATU PERDANA MANTERI
DATO LAILA UTAMA HAJI IBRAHIM**
Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.